



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS BAHASA MELAYU**

**59990 LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR**

**PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN**

**( AMBILAN JUN 2019 SEMESTER 2 )**

---

**KOKURIKULUM-PENGURUSAN KOKURIKULUM  
MPU3031**

---

**DISEDIAKAN OLEH:**

<b>NAMA</b>	<b>MUHAMMAD SAFUWAN BIN KAMARUDIN</b>
<b>ANGKA GILIRAN</b>	<b>2019192340012</b>
<b>NO. KAD PENGENALAN</b>	<b>000911-03-1175</b>
<b>KUMPULAN</b>	<b>PISMP E1</b>
<b>TUGASAN</b>	<b>PERANCANGAN PROJEK</b>
<b>NAMA PENSYARAH</b>	<b>CIK ASIAH BINTI MOHAMAD HASHIM</b>
<b>TARIKH HANTAR</b>	<b>30 MAC 2020</b>
<b>TARIKH MENERIMA MAKLUM BALAS</b>	



**SEKOLAH KEBANGSAAN HAMZAH (1)**  
**DEPAN PEJABAT TANAH JAJAHAN MACHANG**  
**18500 MACHANG, KELANTAN**

**KERTAS CADANGAN PROGRAM MINGGU MEMBACA**

**ANJURAN:**  
**PANITIA BAHASA MELAYU**

**KERJASAMA:**  
**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA & PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM**  
**KELANTAN**

**TARIKH:**  
**14 – 16 JUN 2020**

**TEMPAT:**  
**SEKOLAH KEBANGSAAN HAMZAH (1)**

**KERTAS CADANGAN UNTUK PROGRAM MINGGU MEMBACA**  
**PANITIA BAHASA MELAYU**  
**SEKOLAH KEBANGSAAN HAMZAH (1)**

## **1.0 Tujuan**

Kertas cadangan ini dihasilkan adalah bertujuan untuk memohon kelulusan daripada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Hamzah (1) bagi melaksanakan Program Minggu Membaca di Sekolah Kebangsaan Hamzah (1). Program ini melibatkan penyertaan semua warga Sekolah Kebangsaan Hamzah (1) serta kerjasama dari pihak Dewan Bahasa dan Pustaka serta Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan.

## **2.0 Latar Belakang**

Membaca merupakan perkara asas yang paling penting dalam membentuk murid-murid ke arah yang celik huruf. Bahkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) juga ada berkenaan dengan kemahiran membaca di mana membaca ini merupakan perkara yang paling penting dalam mendidik murid-murid. Ahmad Mohd Said (1998) menyatakan membaca merupakan asas pembentukan diri ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan. Menurut Noresah Baharom (2005) pula, beliau menyatakan membaca adalah memerhatikan isi sesuatu yang bertulis atau bercetak dengan teliti dan memahamkan makna kandungannya. Di samping itu, membaca ini juga adalah antara proses dalam menimba ilmu pengetahuan di mana individu yang banyak membaca merupakan orang yang luas pengetahuannya. Membaca merupakan suatu proses untuk memperolehi ilmu dan maklumat dengan menggunakan deria dan minda sama ada melalui bahan-bahan bercetak atau media elektronik (Syed Abu Bakar Syed Akil, 1994). Oleh hal yang demikian, amalan membaca hendaklah diterapkan dalam diri murid-murid dalam usaha melahirkan generasi yang kaya dengan ilmu pengetahuan dan seterusnya dapat berbakti kepada bangsa dan negara.

## **3.0 Asas Pertimbangan**

### **3.1 Matlamat**

Matlamat utama program Minggu Membaca ini diadakan adalah untuk memupuk amalan membaca dalam kalangan murid-murid di Sekolah Kebangsaan Hamzah (1). Sehubungan dengan itu, melalui program ini mampu meningkatkan lagi minat murid

terhadap pembacaan buku seterusnya dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang sedia ada.

### **3.2 Objektif**

Antara objektif utama program ini termasuklah:

- Murid-murid diberi pendedahan dengan kepentingan amlan membaca.
- Murid-murid diajar untuk menguasai teknik membaca dengan pantas.
- Murid-murid dipupuk untuk meminati dan menjadikan amalan membaca sebagai rutin harian atau hobi.

## **4.0 Butiran Projek**

Nama	: Program Minggu Membaca Sekolah Kebangsaan Hamzah (1)
Tarikh	: 14 – 16 Jun 2020
Masa	: 8.00 pagi -12.30 tengah hari
Tempat	: Sekolah Kebangsaan Hamzah (1)
Tema	: Budaya Membaca Budaya Kita
Kerjasama	: Dewan Bahasa dan Pustaka & Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan

## **5.0 Penyertaan**

Program ini menyasarkan seramai 916 orang murid Sekolah Kebangsaan Hamzah (1) yang terdiri daripada 466 murid lelaki dan 449 murid perempuan. Semua murid dikehendaki untuk menyertai program ini dengan tujuan untuk mengukuhkan lagi kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid itu sendiri. Selain itu juga, murid-murid akan dapat merasai dan memperolehi pengalaman baru melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka & Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan sepanjang program ini berlangsung.

## **6.0 Jawatankuasa**

Jawatankuasa yang melaksanakan program ini terbahagi kepada dua iaitu jawatankuasa induk dan jawatankuasa pelaksana.

### **6.1 JAWATANKUASA INDUK**

Penasihat	: Tuan Haji Roseli bin Hasbullah (Guru Besar)
Pengerusi	: Encik Faradiza bin Muhd Parik (GPK 1)
Naib Pengerusi	: Encik Zulkapli bin Husin (GPK HEM)
Penyelaras	: Puan Noraini binti Mamat (Ketua Panitia Bahasa Melayu)
Setiausaha	: Encik Muhammad Safuwan bin Kamarudin
Penolong Setiausaha	: Cik Solehah binti Yusoff
Bendahari	: Encik Lee Chong Wei

### **6.2 JAWATANKUASA PELAKSANA**

AJK Sambutan	: Puan Norsham binti Mahmud
	: Puan Roslina binti Majid
AJK Perasmian	: Puan Mariam binti Malik
	: Puan Farah binti Umar
AJK Persembahan	: Encik Remy bin Ishak
	: Puan Anggun binti Daud
AJK Banner & Brosur	: Encik Hisham bin Kamal
	: Encik Zaihan bin Amri
AJK Pengacara Majlis	: Puan Balqis binti Osman
	: Puan Wijdan binti Harun
AJK PA Sistem	: Encik Shamsul Bahri bin Ismail
	: Encik Arif bin Zaid
AJK Juri	: Encik Che Omar bin Awang
	: Puan Zuraida binti Yusoff
AJK Penyampaian Hadiah	: Puan Haslinda binti Zakaria
	: Encik Idris bin Syafie

## **7.0 Jadual Aktiviti**

Rujuk Lampiran 1

## **8.0 Anggaran Belanjawan**

### **8.1 Pendapatan**

BIL	PERKARA	KUANTITI	JUMLAH
1	Sumbangan Ahli Kelab Staf		RM 650
2	Sumbangan PIBG		RM 800
3	Sumbangan Panitia Sejarah		RM 750
<b>JUMLAH KESELURUHAN = RM 2200</b>			

### **8.2 Perbelanjaan**

BIL	PERKARA	KUANTITI	JUMLAH	CATATAN
1	Banner	2 X 90	RM180	
2	Hadiah	Tempat pertama RM12 X 6 = RM 72  Tempat kedua RM 8 X 6 = RM 48  Tempat ketiga RM 4 X 6 = RM 24	RM 144	
3	Sijil	150 x RM 0.80	RM 120	
4	Cenderahati Penceramah	2 x RM 40	RM 80	
5	Makanan	300 X 5	RM 1500	
6	Bahan	Kertas A4 RM 12 X 5 = RM 60	RM 60	
7	Wang Runcit		RM 116	
<b>JUMLAH KESELURUHAN = RM 2200</b>				

## **9.0 Implikasi**

Antara implikasi yang dapat diperhatikan daripada program ini adalah :

- Guru hendaklah menyediakan beberapa latihan intensif kepada murid-murid kerana program ini mengambil beberapa waktu pembelajaran.

## **10.0 Syor**

Pihak kami amat berharap agar cadangan untuk menganjurkan program ini mendapat kelulusan dari pihak tuan. Hal ini kerana, program ini dirancang adalah bertujuan untuk mencapai objektif-objektif dalam usaha melahirkan murid-murid yang kaya dengan ilmu pengetahuan dan cemerlang dari segi intelek serta seimbang dalam pelbagai aspek. Semoga perancangan program yang disusun mendapat pertimbangan dan kelulusan daripada pihak tuan. Segala pertimbangan dan sokongan dari pihak tuan saya dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Disediakan oleh,

---

(MUHAMMAD SAFUWAN BIN KAMARUDIN)

Setiausaha,  
Program Minggu Membaca,  
Sekolah Kebangsaan Hamzah (1).

Disokong oleh,

---

(FARADIZA BIN MUHD PARIK)

Guru Penolong Kanan Pentadbiran  
Sekolah Kebangsaan Hamzah (1).

Disemak oleh,

---

(NORAINI BINTI MAMAT)

Ketua Panitia Bahasa Melayu,  
Sekolah Kebangsaan Hamzah (1).

Diluluskan oleh,

---

(HAJI ROSELI BIN HASBULLAH)

Guru Besar,  
Sekolah Kebangsaan Hamzah (1).

## **11.0 Rujukan**

- Abd. Alim Abdul Rahim. (1995). *Pengurusan kurikulum*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Aishah Binti Mohd Noh. (2015). Kertas Kerja. *Program operasi khidmat masyarakat*, 1-15.
- Ahmad Mohd Said. (1998). Kesan Buruk Kepada Masyarakat Dan Negara Apabila Bahan-Bahan Picisan Mendapat Perhatian Pembaca. *Jurnal Pendidikan: Maktab Perguruan Sandakan*. 2. hlm. 46-49
- Noresah Baharom. (2005). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). *Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah.
- Syed Akil, S.A.B. (1994). Panduan Mengajar Kemahiran Membaca. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka

**LAMPIRAN 1**

**PROGRAM MINGGU MEMBACA  
ANJURAN PANITIA BAHASA MELAYU  
SEKOLAH KEBANGSAAN HAMZAH (1)**

**TENTATIF PROGRAM**

**Tarikh: 14 JUN 2020, AHAD**

Masa	Program	Tempat	Senarai Penglibatan
7.30 pagi – 7.40 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kedatangan murid-murid ke Majlis Perasmian Program Minggu Membaca</li></ul>	Dataran Perhimpunan	<ul style="list-style-type: none"><li>• AJK Perasmian</li></ul>
7.40 pagi-8.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bacaan doa</li><li>• Ucapan dan gimik perasmian oleh Guru Besar</li><li>• Persembahan deklamasi sajak oleh murid</li></ul>	Dataran Perhimpunan	<ul style="list-style-type: none"><li>• AJK Persembahan</li></ul>
8.30 pagi-10.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Program 1: Ceramah Kepentingan Amalan Membaca</li></ul>	Dewan Utama	<ul style="list-style-type: none"><li>• AJK Sambutan</li></ul>
10.30 pagi-11.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sarapan pagi</li></ul>	Kantin	<ul style="list-style-type: none"><li>• AJK Makanan</li></ul>
11.00 pagi-12.30 tengah hari	<ul style="list-style-type: none"><li>• Program 2: Ceramah Teknik Membaca Pantas (<i>skimming and scanning</i>)</li></ul>	Dewan Utama	<ul style="list-style-type: none"><li>• AJK Sambutan</li></ul>
12.30 tengah hari	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bersurai</li></ul>	-	-

**Tarikh: 15 JUN 2020, ISNIN**

<b>Masa</b>	<b>Program</b>	<b>Tempat</b>	<b>Senarai Penglibatan</b>
7.30 pagi-8.00 pagi	• Perhimpunan harian	Dataran Perhimpunan	
8.00 pagi-10.30 pagi	• Pertandingan bercerita Tahap 1	Dewan Utama	• AJK Juri
10.30 pagi-11.00 pagi	• Sarapan pagi	Kantin	• AJK Makanan
11.00 pagi-12.30 tengahari	• Lawatan ke perpustakaan bergerak bagi murid Tahap 1 (dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan)	Dataran Perhimpunan	• AJK Sambutan
12.30 tengahari	• Bersurai	-	-

**Tarikh: 16 JUN 2020, SELASA**

<b>Masa</b>	<b>Program</b>	<b>Tempat</b>	<b>Senarai Penglibatan</b>
7.30 pagi-8.00 pagi	• Perhimpunan harian	Dataran Perhimpunan	
8.00 pagi-10.00 pagi	• Pertandingan Deklamasi Sajak dan mencipta Pantun bagi Tahap 2	Dewan Utama	• AJK Juri
10.00 pagi-10.30 pagi	• Sarapan pagi	Kantin	• AJK Makanan
10.30 pagi-12.30 tengahari	• Majlis penutupan program Minggu membaca • Ucapan penutup oleh guru besar • Majlis penyampaian hadiah bagi para pemenang	Dewan Utama	• AJK PA Sistem • AJK Penyampaian Hadiah
12.30 tengahari	• Bersurai	-	-